

Dua kampung tenggelam

Hujan lebat berterusan ditambah masalah benteng punca banjir berlaku

NORSHIKIN MOHD SALLEH

GELANG PATAH

— Biarpun banjir dilaporkan semakin pulih, namun sebaliknya berlaku ke atas 10 keluarga di sini yang terpaksa mengharungi banjir berikutan hujan lebat dan air pasang di Sungai Pulai, hampir 17 jam.

Lebih 40 penduduk di Kampung Ulu Pulai dan Kampung Pulai terpaksa mengharungi banjir sedalam 1.5 meter bermula dari jam 12 tengah hari hingga 5 pagi semalam.

Keadaan itu bertambah buruk berikutan air pasang di sungai berdekatan perkampungan itu.

Menurut Ketua Kampung Ulu Pulai, Abdul Aziz Layong, biarpun penduduk di situ ti-

dak dipindahkan, namun keadaan itu menyukarkan mereka untuk terus tinggal di rumah masing-masing.

“Kita memang telah membuat persediaan awal dengan menyewa sebuah rumah di kampung ini untuk dijadikan pusat pemindahan sementara kerana banjir yang berlaku tidak berlanjutan dan ia hanya memakan beberapa jam sebelum ia pulih dan surut.

“Ia merupakan banjir ketiga berlaku untuk tahun ini. Ia kerap berlaku akibat air pasang dan hujan lebat tanpa henti kerana kawasan ini agak rendah,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Sementara itu, penduduk yang terlibat, Fadil Ismail, 47, bersama tujuh sekeluarga ti-



Mangsa menunjukkan keadaan dalam rumah yang ditenggelami banjir.

dak menduga air masuk ke rumah dengan cepat kerana kebiasaannya jika air pasang, air

sungai di paras benteng.

“Kita memang lali dengan keadaan banjir, namun tidak

seperti semalam, sehingga ke paras pinggang.

“Hujan lebat berterusan

empat jam sehingga rumah kami dilanda menyebabkan kerugian hampir RM5,000,” katanya.

Sementara itu, Ketua MCA Bahagian Gelang Patah Jason Teoh berkata, masalah banjir yang berlaku tidak dapat dielakkan kerana ia berlaku secara serentak iaitu hujan lebat dan air pasang.

Namun pihaknya akan mengusulkan kepada pihak berkenaan mengenai masalah pintu air dan benteng yang dikatakan antara penyebab air sungai gagal dikawal dari melimpah.

Mengikut laporan Portal Banjir, Majlis Keselamatan Negara, tiada rekod mangsa banjir dilaporkan di negeri ini sehingga jam 6 petang semalam.